



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah



**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan perolehan Perkhidmatan berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
086/2026/0021	CADANGAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN MEDIA SOSIAL TERMASUK MENYEDIAKAN KONTEN, VIDEO, INFOGRAFIK DAN ARTIKEL BAGI WAKAF MARA MADANI	010103, 222001, 222002 DAN 222009	15/05/2026 Hingga 08/06/2026	20/05/2026 10.00 Pagi TINGKAT 22, UNIT WAKAF MARA MADANI, IBU PEJABAT MARA, JALAN MARA, 50609, KUALA LUMPUR	RM5.00	08/06/2026 Hari Isnin (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. Sila bawa cop Syarikat yang lengkap bagi memudahkan proses pendaftaran. **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT/PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak dan pembelian dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat sebut harga.

Tawaran ini dilaksanakan secara atas talian (*online*). Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen, hanya Pembekal yang telah mendaftar syarikat dengan **SPEED** dan diluluskan untuk menyertai **Pasaran MARA** serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan **DIBENARKAN** untuk membuat pembelian dokumen sebut harga dengan nilai seperti yang tercatat di atas.

3. Pembelian adalah secara atas talian (*online*) sahaja. Pautan pembelian dokumen sebut harga boleh didapati pada iklan di **SPEED**. **Tempoh akhir pembelian no. pin atas talian ialah pada 08/06/2026**. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan pembelian sebut harga boleh menghubungi pusat perkhidmatan pelanggan **SPEED** di talian **03-78854111/79855287** atau emel kepada helpdesk@speed2u.my.
4. Pembekal perlu memastikan sijil-sijil berikut masih sah tempoh:
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC-TAX COMPLIANCE CERTIFICATE) BERSTATUS PATUH**
5. MARA tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan pembekal sekiranya dokumen sebut harga tidak dapat dibeli disebabkan kegagalan pembekal berdaftar dengan **SPEED** serta diluluskan menyertai **Pasaran MARA** atau lain-lain maklumat yang tidak dikemaskini oleh pembekal. MARA tidak akan mengembalikan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
6. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen sebut harga melalui laman web www.speed2u.my mulai **20/05/2026** hingga **TARIKH TUTUP SEBUT HARGA**.
7. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak **0.4% atau 0.7%** bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap invois mengikut terma dan syarat pembekalan. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.

8. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
9. Sekiranya pembekal memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen sebut harga (*hard copy*) yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Perolehan** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

10. Pembekal juga dikehendaki memuat naik dokumen (*soft copy*) sebut harga yang lengkap secara dalam talian (*online*). Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
11. Sebarang urusan sebut harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.